

# JHEP UMS adakan mesyuarat pembentukan MPP SESI 2018/ 2019

U8 05.10.2018 B2

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Mesyuarat Pembentukan Kabinet Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baharu bagi sesi 2018/2019 pada 19 Oktober 2018 di Bilik Mesyuarat Eksekutif, JHEP, UMS.

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dilaksanakan pada 17 Oktober lalu menyaksikan 32 pemimpin pelajar dipilih

untuk menerajui barisan kepimpinan MPP bagi sesi 2018/2019.

Dalam mesyuarat pembentukan kabinet MPP itu, Majlis Tertinggi dibentuk dan memilih Muhd Jivean Johan Wira Ahmad sebagai Presiden, Syakur Maming (Timbalan Presiden), Suzanne Chee Suxian (Setiausaha Agung), Kellin Wong Kai Xin (Bendahari), Sugianto Johan (Naib Presiden 1 merangkap Pembangunan Mahasiswa), Mohammad

Zaiful Junaedi (Naib Presiden 2 merangkap Pembangunan Insaniah dan Intelektual), Nur Wahidayah Wahipin (Naib Presiden 3 merangkap Khidmat Mahasiswa), Nor Aini Aqilah Ismail (Naib Presiden FPL), Fauzan Mirza Eko (Naib Presiden KAL) dan Nadia Mohd Arif Teo sebagai Setiausaha Kehormat (KAL).

Manakala 22 ahli dilantik sebagai Majlis Eksekutif dan Exco MPP bagi sesi 2018/2019.

Ketua JHEP Ahmadi Nurdin mengucapkan tahniah di atas pelantikan dalam pembentukan kabinet MPP yang baharu bagi sesi 2018/2019 dan mengharapkan barisan kepimpinan baharu ini dapat menerajui dan memimpin mahasiswa mahasiswa UMS ke arah perpaduan, pembangunan sahsiah dan kebijakan hal ehwal pelajar dengan lebih cemerlang seiring dengan halatuju serta misi dan visi UMS.



BARISAN MPP Sesi 2018/2019 bergambar selepas pembentukan kabinet.